Pendakwa Raya lwn Imam Wahyudin bin Karjono dan satu lagi dan kes-kes lain

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45SO-27–11 TAHUN 2016, 45SO-35–12 TAHUN 2016 DAN 45SO-1–01 TAHUN 2017
NORDIN HASSAN PK
29 MAC 2017

Prosedur Jenayah — Hukuman — Faktor mitigasi — Pengakuan bersalah — Pesalah muda — Sama ada hukuman berat dan bersifat deteran perlu dijatuhkan demi kepentingan awam — Sama ada pengakuan bersalah telah menjimatkan masa mahkamah — Kanun Keseksaan s 130C(1)(a) & (b)

Tertuduh pertama dan kedua ('OKT1 dan OKT2') dituduh di bawah s 130C(1)(b) Kanun Keseksaan ('Kanun') dan dibaca bersama s 34 Kanun kerana melakukan perbuatan pengganas iaitu membaling dan meletupkan bom tangan di Kelab MOVIDA, Puchong, Selangor. OKT1 dan OKT2 juga dituduh secara berasingan di bawah s 130J(1)(a) Kanun kerana masing-masing melakukan kesalahan memberi sokongan kepada pengganas Islamic State ('IS') di mana OKT1 telah melakukan sumpah setia (*berbaiah*) kepada kumpulan tersebut dan memberi komen-komen yang menyokong IS sementara OKT2 telah memberi komen-komen yang menyokong kumpulan tersebut. Kedua-dua pertuduhan terhadap OKT1 dan OKT2 dibicarakan bersama. Setelah lapan orang saksi pendakwaan memberi keterangan, OKT1 dan OKT2 telah membuat pengakuan salah terhadap pertuduhan-pertuduhan tersebut. Hujahan mitigasi OKT 1 adalah: (a) dia adalah pesalah muda semasa kejadian; (b) tidak mempunyai pelajaran yang sempurna; (c) dia membantu ibunya yang tua dan sakit; dan (d) pengakuan salahnya telah menjimatkan masa semua pihak, termasuk mahkamah. Manakala OKT2 berhujah bahawa: (i) dia baru memeluk Islam dan berpendidikan darjah dua dan telah dipengaruhi seorang yang bernama 'Wandy'; (ii) dia telah memberi kerjasama penuh kepada pihak polis; (iii) dia bukannya pengganas yang tegar dan amat kesal dengan kesalahannya; dan (iv) pengakuan salahnya telah menjimatkan masa mahkamah. Pihak pendakwa raya sebaliknya berhujah bahawa kesalahan OKT1 dan OKT2 amat serius dan telah menyebabkan ramai yang tercedera, bagi faktor kepentingan awam, hukuman berat dan bersifat deteran perlu dijatuhkan dan juga kerana kes-kes keganasan telah meningkat dan perlu dibendung dengan segera.

Diputuskan:

(1) Perbuatan meletupkan bom di tempat awam tersebut sehingga mencederakan ramai orang awam dan memusnahkan harta awam, jelas, merupakan perbuatan pengganas yang terburuk berlaku di Malaysia. Tidak dinafikan yang perbuatan meletupkan bom tangan juga boleh menyebabkan kehilangan nyawa awam. Mahkamah mempunyai tanggungjawab besar untuk memastikan kesalahan seumpama ini tidak berulang lagi. Ini hanya dapat dilakukan dengan menjatuhkan hukuman bersifat deteren sebagai pengajaran kepada kedua-dua OKT dan termasuk ahli dan penyokong Kumpulan IS supaya tidak melakukan kesalahan yang sama (lihat perenggan 13–14).

(2) Pengakuan salah kedua-dua OKT tidak boleh menjadi alasan untuk suatu hukuman ringan dijatuhkan. Perbuatan menyokong kumpulan pengganas IS merupakan kesalahan yang serius kerana ini, antara lain, membantu perkembangan kumpulan ini dan berdasarkan ideologi kumpulan tersebut berpaksikan keganasan akan menimbulkan huru-hara di Malaysia. Tambahan pula, kedua-dua OKT hanya mengaku salah setelah lapan orang saksi pendakwaan memberi keterangan. Perkara ini tidak boleh dikatakan telah benar-benar menjimatkan masa mahkamah (lihat perenggan 15–16 & 21).

(3) Berhubung dengan faktor mitigasi umur dan masalah keluarga, umur OKT1 dan OKT2 masing-masing adalah cukup dewasa untuk mengetahui impak, kesan kesalahan yang mereka lakukan dan wajar menerima hukuman yang setimpal dengan kesalahan serius yang mereka lakukan. Penyesalan setelah ditangkap dan dibicarakan tidak memberi kesan yang positif kepada OKT-OKT. Faktor baru memeluk Islam dan terpengaruh 'Wandy' tidak boleh dijadikan alasan untuk menyokong Kumpulan IS (lihat perenggan 19–20).

(4) Berdasarkan faktor kepentingan awam dan faktor kepentingan OKT-OKT, bagi pertuduhan di bawah s 130C(1)(b) dibaca bersama s 34 Kanun hukuman yang dijatuhkan terhadap OKT1 dan OKT2 adalah penjara 25 tahun dari tarikh tangkap dan bagi pertuduhan di bawah s 130J(1)(a), hukuman terhadap OKT1 dan OKT2 adalah sepuluh tahun penjara setiap seorang. Hukuman terhadap OKT1 dan OKT2 bagi kesalahan di bawah ss 130C(1)(b) dan 130J(1)(a) adalah berjalan serentak (lihat perenggan 22).

[English summary

The first and second accused persons ('the first and second accused persons') were charged under s 130C(1)(b) of the Penal Code ('the Code') and read together with s 34 of the Code for conducting terrorist acts of throwing and blowing hand grenades at Kelab MOVIDA, Puchong, Selangor. The first and second accused persons were also charged separately under s 130J(1)(a) of the

Code for supporting the Islamic State terrorists ('IS') in which the first accused person committed allegiance (*baiah*) to the group and gave comments that supported IS while the second accused person provided comments that supported the group. The two charges against the first and second accused persons were heard together. After eight prosecution witnesses testified, the first and second accused persons pleaded guilty to the charges. The first accused person's mitigation argument was: (a) he was a minor offender during the incident; (b) he had no proper education; (c) he was supporting his elderly and sick mother; and (d) his or her confession had saved the time of all parties, including the court. Meanwhile, the second accused person argued that: (i) he had just embraced Islam and received education until standard two and was influenced by a man named 'Wandy'; (ii) he had given full cooperation to the police; (iii) he was not a hardcore terrorist and was extremely upset with the offense; and (iv) his confession saved the court's time. The prosecutors argued that the offences by the first and second accused persons were serious and had caused injuries to many people and for public policy, heavy punishment and deterrent should be meted out and cases of terrorism had increased and had to be stopped immediately.

Held:

(1) The act of blasting the bomb in a public place thus hurting many civilians and destroying public property was clearly the worst terrorist act in Malaysia. There was no doubt that the act of blasting the hand grenade could also lead to the loss of public lives. The court has a great responsibility to ensure that such offenses are not repeated. This can only be done by passing a deterrent sentence as a lesson to both OKT and including members and supporters of the IS Group so as not to commit the same offense (see paras 13–14).

(2) The wrongdoing of both the first and second accused persons should not be the reason for a light sentence to be imposed. The act of supporting the IS terrorist group was a serious offence as this, among others, contributed to the development of this group and based on the group's ideological sense of violence will lead to chaos in Malaysia. Furthermore, both the first and second accused persons only pleaded guilty after eight prosecution witnesses testified. This could not be said to have really saved the court's time (see paras 15–16 & 21).

(3) Regarding the age mitigation and family problem factors, the first and second accused persons were mature enough to know the impact, the consequences of the offence that they have committed and it was appropriate for them to receive reasonable penalties for their serious offences. Regrets after being arrested and tried did not have a positive effect on the first and second accused persons. The factor of newly-embracing Islam and being influenced by 'Wandy' could not be an

A excuse to support the IS Group (see paras 19–20).

(4) Based on the public interest factor and that of the accused persons, for the charge under s 130C(1)(b) read together with s 34 of the Code, the sentence imposed on the accused persons were 25 years of imprisonment from the date of arrest and for the charge under s 130J(1)(a), the sentence for the accused persons were ten years in prison each. The sentence for the accused persons for offences under ss 130C(1)(b) and 130J(1)(a) were to run concurrently (see para 22).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai faktor mitigasi, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 4907–4972.

Kes-kes yang dirujuk

Che Hasan bin Senawi v PP [2009] 1 MLJ 55, MR (dirujuk)
Norsharizan bin Junaidi v PP [2016] MLJU 465, MR (dirujuk)
PP v Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan ss 34, 130(1)(b), 130C(1)(b), 130J(1)(a)

Saiful Edris bin Hj Zainuddin (Mohamad Mustaffa bin P Kunyalam bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.
Wan Azwan Aiman (Azwan Aiman Fakhrul & Co) bagi pihak tertuduh pertama.
PA Sharon (Palani Ammal & Co) bagi pihak tertuduh kedua.

Nordin Hassan PK:

PENDAHULUAN

[1] Iman Wahyudin bin Karjono ('OKT1') dan Jonius Ondie @ Jahali ('OKT2'), telah dituduh di bawah s 130C(1)(b) Kanun Keseksaan dan dibaca bersama s 34 Kanun yang sama kerana melakukan perbuatan pengganas iaitu membaling dan meletupkan bom tangan di Kelab MOVIDA, Puchong, Selangor.

[2] OKT1 dan OKT2 juga telah dituduh secara berasingan di bawah s 130J(1)(a) Kanun Keseksaan kerana masing-msing melakukan kesalahan memberi sokongan kepada Kumpulan Pengganas Islamic State ('IS') di mana OKT1 telah melakukan sumpah setia (*berbaiah*) kepada kumpulan tersebut dan memberi komen-komen yang menyokong kumpulan berkenaan sementara OKT2 telah memberi komen-komen yang menyokong Kumpulan IS tersebut.

[3] Pertuduhan di bawah ss 130C(1)(b) dan 130J(1)(a) terhadap OKT1 dan OKT2 tersebut telah dibicarakan bersama. A

[4] Walau bagaimana pun, setelah lapan orang saksi-saksi pendakwaan memberi keterangan, OKT1 dan OKT2 telah membuat pengakuan salah bagi pertuduhan-pertuduhan yang dikemukakan terhadap OKT1 dan OKT2. B

RINGKASAN FAKTA

[5] Berdasarkan pernyataan fakta kes yang diakui benar oleh OKT1 dan OKT2 dalam prosiding pengakuan salah mereka, ringkasan fakta kes adalah seperti berikut: C

(a) pada 25 Mac 2016, OKT1 telah menyertai satu kumpulan perbualan telegram bernama gagak hitam dengan menggunakan nama 'abu hanafi' dan nombor telefon 019-3443953; D

(b) pada 30 Mac 2016, dalam perbualan telegram berkenaan, OKT1 telah membuat sumpah setia (berbaiah) untuk menyokong Kumpulan Pengganas Islamic State dan seterusnya memberi komen-komen yang menyokong kumpulan tersebut; E

(c) pada 1 April 2016 OKT2 juga telah menyertai kumpulan perbualan telegram 'gagak hitam' tersebut dengan menggunakan nama 'kenangan tak terlupakan' dan seterusnya memberikan komen-komen yang menyokong Kumpulan Pengganas Islamic State berkenaan; F

(d) seterusnya, OKT1 dan OKT2 telah membuat perancangan untuk meletupkan kelab-kelab malam dan 'Pub' bagi memperjuangkan ideologi mereka yang menyokong Kumpulan Pengganas Islamic State tersebut; G

(e) lanjutan dari rancangan berkenaan, kedua-dua OKT telah mendapatkan dua butir bom tangan di kawasan Rehat dan Rawat (R&R) di Seri Kembangan, Selangor;

(f) selanjutnya, pada 27 Jun 2016, kedua-dua OKT, bersama dua individu lagi telah membuat tinjauan di kawasan Puchong, Selangor untuk mengenalpasti kelab malam yang akan diletupkan. Pada mulanya, mereka bersetuju untuk meletupkan kelab malam Pitbull tetapi apabila mendapati kelab malam tersebut telah tutup sebelum serangan bom dibuat, kedua-dua OKT telah memilih kelab MOVIDA di Puchong tersebut sebagai sasaran serangan mereka; H I

(g) seterusnya, pada 28 Jun 2016, lebih kurang jam 2 pagi, OKT1 dan OKT2 yang menaiki sebuah motorsikal bernombor pendaftaran WXN

4281 telah berhenti di tepi jalan di Lebuhraya Damansara-Puchong yang berhadapan dengan kelab MOVIDA di Jalan Kenari 5, Bandar Puchong Jaya, Puchong, Selangor;

(h) OKT2 kemudiannya, telah melemparkan sebutir bom tangan ke bahagian hadapan kelab tersebut dan bom berkenaan telah meletup dan telah menyebabkan lapan orang pelanggan kelab berkenaan cedera. Ada diantara lapan orang tersebut yang cedera parah; dan

(i) sejurus selepas OKT2 melemparkan bom tangan berkenaan, OKT1 dan OKT2 telah melarikan diri dengan menaiki motosikal WXN 4281 berkenaan.

HUJAHAN MITIGASI

[6] Setelah OKT1 dan OKT2 disabitkan atas pengakuan salah bagi pertuduhan di bawah ss 130C(1)(b) dan 130J(1)(a) tersebut, mitigasi OKT1 adalah seperti berikut:

(a) OKT1 adalah pesalah muda iaitu semasa kejadian berumur 20 tahun dan enam bulan;

(b) OKT1 tidak mempunyai pelajaran yang sempurna;

(c) OKT1 membantu ibunya yang telah tua dan sedang sakit; dan

(d) pengakuan salah OKT1 telah menjimatkan masa semua pihak termasuk mahkamah.

[7] Peguam OKT pula dalam hujahan mitigasinya menyatakan:

(a) OKT2 yang baru memeluk Islam dan berpendidikan hanya darjah dua telah dipengaruhi seorang bernama 'Wandy' untuk melakukan kesalahan yang dilakukan;

(b) OKT2 telah memberi kerjasama yang penuh kepada pihak polis selepas OKT2 ditangkap;

(c) OKT2 bukan merupakan seorang pengganas tegar dan amat kesal dengan kesalahan yang telah dilakukan; dan

(d) pengakuan salah OKT2 telah menjimatkan masa mahkamah.

HUJAH PEMBERATAN HUKUMAN

[8] Timbalan pendakwa raya pula antara lain berhujah seperti berikut:

(a) kesalahan OKT1 dan OKT2 adalah amat serius dan tindakan meletupkan bom di tempat awam berkenaan telah menyebabkan ramai yang cedera;

(b) faktor kepentingan awam memerlukan OKT1 dan OKT2 dijatuhkan dengan hukuman yang berat dan bersifat deteren; dan

(c) kes-kes keganasan telah meningkat dan perlu dibendung dengan segera.

KEPUTUSAN MAHKAMAH BERHUBUNG HUKUMAN

[9] Sesuatu hukuman yang hendak dijatuhkan itu adalah merupakan kuasa budi bicara hakim bicara tetapi hendaklah berdasarkan kepada prinsip undang-undang.

Dalam kes Mahkamah Rayuan, *Norsharizan bin Junaidi v Public Prosecutor* [2016] MLJU 465 dinyatakan:

> [9] In any event, sentencing is an exercise of discretion by the trial judge. The law simply provides, as in most cases, a spectrum of sentences — from the minimum to the maximum. The trial court has to choose the appropriate sentence in each case within the spectrum by giving consideration to the peculiar circumstances of each case and all the relevant factors.

[10] Faktor utama yang perlu diberi pertimbangan dalam menjatuhkan hukuman adalah faktor kepentingan awam di samping faktor ini perlu diimbangi dengan faktor kepentingan tertuduh (*Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256).

[11] Di samping itu, faktor sama ada kesalahan yang dilakukan adalah serius atau sebaliknya juga merupakan faktor yang menjadi pertimbangan dalam menjatuhkan hukuman di samping faktor-faktor lain dalam sesuatu kes berkenaan.

[12] Bagi kesalahan terhadap OKT1 dan OKT2 di bawah s 130(1)(b) Kanun Keseksaan kerana perbuatan melemparkan bom tangan ke tempat awam sehingga menyebabkan lapan orang cedera termasuk cedera parah adalah suatu kesalahan yang amat serius. Apa lagi perbuatan ini bersandarkan kepada ideologi Kumpulan Pengganas IS yang telah diharamkan di Malaysia.

[13] Perbuatan meletupkan bom di tempat awam iaitu kelab MOVIDA tersebut sehingga mencederakan ramai orang awam, jelasnya, merupakan perbuatan pengganas yang terburuk pernah berlaku di Malaysia. Berdasarkan gambar-gambar ('P13') yang dikemukakan di mahkamah, dapat dilihat impak dari kesan letupan berkenaan. Ianya bukan sahaja memusnahkan harta awam tetapi menyebabkan kecederaan teruk kepada orang awam. Tidak boleh dinafikan bahawa perbuatan meletupkan bom tangan seperti dilakukan oleh kedua-dua OKT ini juga boleh menyebabkan kehilangan nyawa orang awam.

[14] Sehubungan itu, mahkamah mempunyai tanggungjawab besar untuk memastikan kesalahan seumpama ini tidak berulang lagi. Ini hanya dapat dilakukan dengan menjatuhkan hukuman yang bersifat deteren sebagai pengajaran kepada kedua-dua OKT dan yang lebih penting kepada orang lain termasuk ahli dan penyokong Kumpulan IS untuk tidak melakukan kesalahan yang sama.

[15] Perbuatan OKT1 dan OKT2 yang menyokong Kumpulan Pengganas IS juga merupakan suatu kesalahan yang serius kerana ini, antara lain, membantu perkembangan kumpulan pengganas IS di Malaysia dan berdasarkan ideologi kumpulan tersebut yang berpaksikan keganasan akan menimbulkan keadaan huru-hara di Malaysia seperti pengeboman di kelab MOVIDA berkenaan.

[16] Walaupun kedua-dua OKT telah mengaku salah bagi pertuduhan-pertuduhan terhadap mereka tetapi memandangkan kesalahan yang dilakukan amat serius, pengakuan salah kedua-dua OKT ini tidak boleh menjadi alasan untuk suatu hukuman yang ringan dijatuhkan. Berhubung perkara ini, rujukan kepada kes Mahkamah Rayuan, *Che Hasan bin Senawi v Public Prosecutor* [2009] 1 MLJ 55 adalah bertepatan di mana di ms 58 dinyatakan:

> [6] In our judgment whether a plea of guit constitutes a mitigating factor would depend *largely on the facts and circumstances of a particular case.* Where there is a course of circumstances similar to those that have occurred here, *a plea of guilt, having regard to the seriousness of the case, carries little weight.* As Karthigesu JA said when delivering the judgment of the Court of Appeal of Singapore in *Fu Foo Tong v Public Prosecutor* [1995] 1 SLR 448:
>
> > It is not axiomatic that every plea of guilty 'entitles', as it was contended by counsel to a discount of between one-quarter to one-third of what might otherwise be considered an appropriate sentence after a trial. A plea of guilt can be of no mitigating value, for example, when the evidence overwhelmingly supports a conviction.

[17] Dalam kes yang sama juga, dinyatakan bahawa dalam kes yang serius, mahkamah boleh mempertimbangkan untuk menjatuhkan hukuman maksima atau yang hampir kepada maksima. Ini dinyatakan seperti berikut:

> [8] In our judgment, the correct approach to be taken where the maximum or near maximum sentence is warranted is that set out in the judgment of Yong Pung How CJ in *Sim Gek Yong v Public Prosecutor* [1995] 1 SLR 537. The learned Chief Justice of Singapore expressed a view with which we respectfully agree. This is what His Honour said:
>
> > The principles espoused above in *R v Tait and Bartley* [1979] 24 ALR 473 and *Bensegger v R* [1979] WAR 65 represent, in my view, the approach which should

be adopted by a court towards the issue of maximum sentences. To restrict the maximum sentence to the *'worst case imaginable'* would only invite an endless permutation of hypotheses. In the appellants' case, for instance, would be 'worst case imaginable' be one in which the custom officers had been injured? Or would it be one in whichan innocent bystander had been fatally hit by the appellant's car? The possibilities are limitless and the uncertainty intolerable. All that a court can realistically do — and all that it should do — when deciding whether or not to impose a maximum sentence is to identify a range of conduct which characterises the most serious instances of the offence in question. This would, as the court in *R v Tait and Bartley* pointed out, involve consideration both of the nature of the crime and of the circumstances of the criminal'.

[18] Selain itu, saya juga memberi pertimbangan kepada faktor-faktor mitigasi yang dibangkitkan bagi OKT1 dan OKT2 dalam kes ini.

[19] Berhubung dengan faktor umur dan masalah keluarga yang dibangkitkan, saya dapati umur OKT1 dan OKT2 masing-masing berumur 20 tahun enam bulan dan 25 tahun, adalah cukup dewasa untuk mengetahui impak dan kesan dari kesalahan yang mereka lakukan dan wajar menerima hukuman yang setimpal dengan kesalahan serius yang mereka lakukan.

OKT1 juga sepatutnya memikirkan tentang ibunya yang tua dan sakit sebelum melakukan kesalahan yang telah dilakukan. Penyesalan setelah ditangkap dan dibicarakan tidak memberi kesan yang positif kepada OKT-OKT.

[20] Saya juga mendapati OKT2 yang berumur 25 tahun semasa kejadian telah cukup dewasa untuk mengetahui tindakan mana yang salah di sisi undang-undang. Faktor baru memeluk agama Islam dan terpengaruh dengan 'Wandy' tidak boleh dijadikan alasan untuk menyokong Kumpulan Pengganas IS dan meletupkan bom di tempat awam.

[21] Selain itu, seperti dinyatakan terdahulu, OKT-OKT hanya mengaku salah setelah lapan orang saksi pendakwaan memberi keterangan termasuk mereka yang mengalami kecederaan parah semasa kejadian. Perkara ini tidak boleh dikatakan telah benar-benar menjimatkan masa mahkamah.

KESIMPULAN

[22] Sehubungan itu, setelah dipertimbangkan segala faktor-faktor yang berkaitan, terutama faktor kepentingan awam dan diimbangi dengan faktor kepentingan OKT-OKT, saya menjatuhkan hukuman terhadap OKT1 dan OKT2 seperti berikut:

A (a) bagi pertuduhan di bawah s 130C(1)(b) Kanun Keseksaan dan dibaca bersama s 34 Kanun yang ama terhadap OKT1 dan OKT2, hukuman terhadap OKT1 dan OKT2, adalah penjara 25 tahun dari tarikh tangkap;

B (b) bagi pertuduhan di bawah s 130J(1)(a) terhadap OKT1, hukuman adalah sepuluh tahun penjara dari tarikh tangkap;

(c) bagi pertuduhan di bawah s 130J(1)(a) terhadap OKT2, hukuman adalah sepuluh tahun penjara dari tarikh tangkap;

C (d) hukuman terhadap OKT1 bagi kesalahan di bawah ss 130C(1)(b) dan 130J(1)(a) adalah berjalan serentak; dan

(e) hukuman terhadap OKT2 bagi kesalahan di bawah ss 130C(1)(b) dan 130J(1)(a) adalah juga berjalan serentak.

D *Perintah sewajarnya.*

Dilaporkan oleh Nisha Paran

E

F

G

H

I